

KERATAN: Utusan Borneo
(Fail Etnik Sabah)

TARIKH: 28/03/2012
M/S: (B1)

SAB-AD 470/12

421 Et
UB 28/3/12 C B1

Kalendar Kadazandusun

Ikut kiraan astronomi, rama-rama dan musim padi sawah



Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com



MAGUS (Ogos) ketika membajak sawah untuk tanaman padi.

KALENDAR Kadazandusun memiliki sistem pengiraan berdasarkan astronomi dan dinamakan mengikut kitaran hidup rama-rama serta musim-musim penanaman padi sawah. Hari-hari dalam seminggu diasaskan kepada kitaran hidup rama-rama. Tontolu adalah Isnin, Mirod (Selasa), Madsa (Rabu), Tadtaru (Khamis), Kurudu (Jumaat), Kukuak (Sabtu) dan Tiwang (Ahad).

Manakala bulan-bulan dalam setahun diasaskan kepada musim-musim mengerjakan penanaman padi sawah. Milatok adalah Januari, Mansak (Februari), Gomot (Mac), Ngiop (April), Mikat (Mei), Mahas (Jun), Madas (Julai), Magus (Ogos), Manom (September), Gumas (Oktober), Milau (November) dan Momuhau (Disember).

Begitupun, kalendar setahun Kadazandusun bermula pada Mikat (Mei) di mana masyarakat berkenaan mengadakan upacara 'moginakan' (kesyukuran) terhadap tuai padi.

Pada zaman ketika belum mengenali sistem tulisan, masyarakat Kadazandusun

menggunakan simpulan tali atau rotan. Simpulan itu digantung pada satu sudut rumah atau sulap (pondok). Kewujudan kalendar itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa masyarakat Kadazandusun sejak dahulu lagi sudah mengenali betapa berharganya masa. Bagi masyarakat berkenaan, pengurusan masa sangat penting agar pelbagai aspek kehidupan dapat dilaksanakan dengan baik.

Umpamanya, tanggungjawab menyempurnakan kerja-kerja penanaman padi, kiraan nilai tenaga 'mitatabang' (bekerja bersama) dan kerja-kerja sosial.

Elemen astronomi dalam kiraan sebulan ditandai oleh adanya Kosilau Toniba (28-30 hari) dan Kosilau Tanaru (31 hari). Dalam tempoh sebulan dikira berdasarkan enam tempoh iaitu Kosilau, Kopupuson Kosilau, Pagalatan, Kopupuson Pagalatan, Tilimo dan Kopupuson Tilimo. Kosilau (1-12/13hb), Kopupuson Kosilau (13hb/14hb-4hb/16hb), Pagalatan (16hb/17hb-18hb/19hb), Kopupuson Pagalatan (19/20hb-21/22hb), Tilimo (21/22hb-27/28hb) dan Kopupuson Tilimo (28/29hb-30/31hb).

UB-28/03/12 (BI)

(Gambar bawah) **MANOM**
(September) ketika
menanam padi sawah
dengan memindahkan
benih dari tapak semaian.

Sistem kiraan berasaskan kenampakan bulan berkenaan telah memungkinkan masyarakat Kadazandusun memiliki panduan dalam mengendalikan sumber alam dan mempersiapkan diri ke badih (tamu). Melalui kiraan berkenaan, dapat dipastikan pada hari-hari manakah yang sesuai untuk mengambil bambu atau bahan alam lain untuk membuat struktur rumah di samping menghadiri majlis sosial 'moginakan'.

Dalam kiraan bulan sepanjang tahun, dimulakan dengan Mikat (Mei).

Bulan ini merupakan masa interaksi sosial atas kesyukuran tuaian. Diikuti Mahas (Jun) di mana petani melakukan kerja-kerja umum seperti memperbaiki rumah atau kegiatan-kegiatan kekeluargaan.

Madas (Julai) ialah permulaan membersihkan batas sawah dan menyemai padi di tapak semaian.

Magus (Ogos) adalah musim membajak, Manom (September) untuk menanam padi, Gumas (Oktober) membersihkan padi yang kian menghijau di sawah dan Milau (November) ketika mana padi mulai berbuah.

Ketika Momuhau (Disember), petani menjaga padi dari serangan burung dan haiwan perosak, Milatok (Januari) padi mulai menguning, Mansak (Februari) padi mulai masak dan Gomot (Mac) adalah musim menuai padi. Manakala Ngiop (April)



adalah musim selepas menuai di mana petani menampi atau mengipas padi bagi memisahkan butir-butir berisi dan sekam.

Kalendar pada hakikatnya adalah sistem yang digunakan untuk mengatur hari bagi keperluan sosial, keagamaan, perniagaan dan juga pengaturan hidup. Pengaturan hari itu dilakukan dengan memberikan nama kepada masa, hari, minggu, bulan dan tahun.

Kebanyakan tamadun dan masyarakat menyusun kalendar berdasarkan satu panduan yang bersesuaian dengan kehidupan dan keperluan mereka. Kalendar berasal dari perkataan bahasa Latin 'Kalendae' yang bermaksud nama hari pertama bagi setiap bulan.

Kitaran hidup rama-rama telah menjadi panduan terhadap pengiraan hari-hari dalam seminggu. Penggunaan

kitaran hidup rama-rama dijadikan asas kiraan atas pemerhatian masyarakat tani penanam padi sawah Kadazandusun terhadap peringkat kehidupan haiwan berkenaan.

Kewujudan rama-rama di tengah-tengah tanaman padi memberikan kesempatan kepada masyarakat berkenaan melihat secara dekat perkembangan hidup haiwan itu yang seakan-akan menjadi sahabat kepada padi. Sejak keluar dalam bentuk telur, keesokan harinya menetas, sehari kemudian menjadi ulat, membentuk sayap dan pada hari ketujuh terbang sebagai rama-rama.

Signifikan rama-rama dalam kehidupan manusia masih terserlah sehingga kini melalui kewujudan pelbagai taman rama-rama. Di pertengahan jalan antara Penampang dan

Tambunan berdekatan Togudon terdapat Taman

UB - 28/03/12 (B1)

Rama Rama Kipandi. Di taman itu terdapat pelbagai spesies rama-rama dengan pelbagai keindahan yang berwarna-warni.

Taman yang dikendalikan Taman Taman Sabah itu boleh dilawati dengan membayar wang masuk yang sangat minimum. Masa lawatan yang baik ialah pada ketika pagi tatkala rama-rama sangat aktif berterbangan dan hinggap di pelbagai sudut.

Kalendar Kadazandusun dapat dikategorikan sebagai kalendar yang lengkap. Kriteria lengkap adalah mengambil kira di mana pada setiap hari terdapat nama. Manakala kalendar yang tidak menyatakan


nama setiap hari dapat dikategorikan sebagai tidak lengkap. Contohnya, dalam kalendar awal Roman yang tidak menyatakan hari bagi musim sejuk.

Penggunaan asas kalendar adalah untuk mengenal pasti hari agar memiliki panduan tentang kegiatan pada masa hadapan dan merekodkan peristiwa yang berlaku. Kalendar juga digunakan untuk membantu orang ramai mengatur aturcara mereka, masa dan kegiatan seperti di tempat kerja, sekolah dan komitmen keluarga. Kalendar Kadazandusun yang ada sekarang digunakan dalam kurikulum dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT).



MILAU (November) ketika padi mula mengeluarkan buah. Gambar padi ini juga bersamaan Momuhau (Disember) ketika petani menghalau burung dan haiwan perosak.

UB - 28/03/12 (B1)



(Gambar
kiri)

MADAS
(Julai) ketika
membersihkan batas
sawah selepas menyemai
padi di tapak semaian.



KITARAN hidup rama-
rama dekat dengan
kehidupan masyarakat
petani Kadazandusun.